

**GARIS PANDUAN LAPORAN PROGRAM
KPT PRIHATIN MADANI
HOSPITAL CANSOLOR TUANKU MUHRIZ**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada PTj untuk menyediakan laporan program di bawah Program Outreach – KPT Prihatin MADANI dalam tempoh 7 hari selepas program dilaksanakan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.2 Program KPT Prihatin MADANI ini merupakan satu program yang melibatkan penyediaan rawatan asas dan pemeriksaan percuma kepada warga tempatan khususnya golongan rentan bandar bagi memperkasakan penjagaan kesihatan dan kesejahteraan rakyat;
- 2.3 Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) merupakan Hospital Pengajar yang telah dipilih untuk mengetuai Program KRIS di Zon Tengah dan Zon Selatan;
- 2.6 KPT telah bersetuju dengan cadangan peluasan kumpulan sasaran bagi pelaksanaan Program KPT Prihatin seperti berikut: golongan B4, rentan bandar, penduduk di kawasan pedalaman yang kurang tiada akses kepada perkhidmatan perubatan dan kesihatan, dan penduduk di kampung tradisional dan kampung baharu;
- 2.7 Laporan program ini diharap dapat membantu pihak urusetia dan Pengurusan HCTM untuk mengenalpasti kelemahan dan perkara-perkara yang perlu ditambahbaik selain menjadi laporan program secara bertulis dan rasmi untuk direkodkan.

3.0 OBJEKTIF PROGRAM

Meningkatkan kesejahteraan hidup dan memperkasakan penjagaan kesihatan masyarakat melalui pelaksanaan projek rawatan asas dan pemeriksaan percuma kepada warga tempatan khususnya golongan rentan.

4.0 FORMAT LAPORAN PROGRAM

- 4.1 Laporan Program perlu merangkumi perkara berikut:
 - a. Objektif
 - b. Latar Belakang
 - c. Pandangan (Penambahbaikan)
 - d. Laporan Bergambar
 - e. Kesimpulan

CONTOH LAPORAN PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI

Nama Program	
Lokasi Program	
Tarikh	
Jumlah Sukarelawan	
Perkhidmatan Yang Ditawarkan	
Jumlah Peserta	
Jumlah Peserta Yang Dirujuk	



MUAR: Kolej Tun Syed Nasir (KTSN) telah menjalankan program Kekal Sihat KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) yang diadakan di SMK Dato' Sri Amar DiRaja, Muar, Johor anjuran bersama SMK Dato' Sri Amar DiRaja, Fakulti Sains Kesihatan UKM, Fakulti Farmasi UKM, Fakulti Pergigian UKM, Apple Professional Learning Malaysia dan Desibel Berbahaya. Program ini melibatkan pameran kesihatan dan kerjaya serta saringan kesihatan kepada komuniti di sekitar Kampung Sri Amar DiRaja. Aktiviti saringan kesihatan meliputi pemeriksaan paras gula dalam darah, pemeriksaan pendengaran, pemeriksaan *Body Mass Index (BMI)* dan ujian penglihatan warna. Seramai 175 penduduk sekitar melibatkan diri dalam saringan kesihatan tersebut. Hal ini dapat membantu penduduk sekitar dalam mencegah penyakit kronik dengan membuat ujian saringan awal. Pameran kerjaya turut diadakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah, guru-guru, ibu bapa dan penduduk sekitar berkaitan program-program Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia Kampus Kuala Lumpur.